

# Kerajaan tumbang: Anwar anggap Hadi mengigau

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bimbang dengan dakwaan Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang kononnya kerajaan akan tumbang tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya menganggap apa yang diperkatakan oleh Presiden Pas itu hanyalah 'mimpi' semata-mata.

"Tak apalah, itu hak dia untuk merancang dan mengigau katanya kepada pemberita selepas selesai solat Jumaat di Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Kelmarin, Hadi meramalkan kerajaan akan jatuh tidak lama lagi dalam Dialog Ulama Negerawan: Mendepani Cabaran Globalisasi Media Masa Kini anjuran Yayasan Permata Ummah.

"Orang tanya bila berlaku ini,

ini ramalan. Insyallah (akan berlaku) dalam masa terdekat," katanya.

Beliau juga baru-baru ini mengatakan pihak pembangkang tidak boleh disalahkan jika kerajaan jatuh ketika perbincangan di Parlimen.

"Kalau jatuh lagi, jangan salahkan kami. Bukan tebuk atap, tetapi atapnya bocor, pintunya terbuka dan dindingnya pecah," katanya.



**ANWAR** Ibrahim bersalaman bersama jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam.